

**KATA PEMERI**

**Info Kata Pemei**

Apakah kata pemei...

- Kata pemei *adalah* digunakan sebelum kata adjektif atau kata sendi.
- Kata pemei *ialah* digunakan sebelum kata nama.
- Kata pemei boleh digugurkan.

Contoh;

Jawapan kamu adalah tepat sekali.

A. *Pilih jawapan yang betul.*

01. Hari ini ialah hari jadi Ahmad.

- A. Betul
- B. Salah

02. Makanan kegemaran saya adalah nasi goreng.

- A. Betul
- B. Salah

03. Harga barangan yang dijual di pasar raya itu adalah berpatutan.

- A. Betul
- B. Salah

04. Cita-cita saya adalah menjadi seorang pakar jantung.

- A. Betul
- B. Salah

05. Bertanggungjawab adalah sifat yang terpuji.

- A. Betul
- B. Salah



06. Johan pertandingan bercerita sekolah menengah tahun ini adalah saudara Masyiroh Taib.

- A. Betul
- B. Salah

07. Tuduhan itu ialah palsu.

- A. Betul
- B. Salah

08. Pemuda yang kita jumpa tadi ialah seorang lulusan Universiti Al-Azhar.

- A. Betul
- B. Salah

09. Sapu tangan itu adalah pemberian kekasih abang saya.

- A. Betul
- B. Salah

10. Epok-epok adalah sejenis kuih tradisional.

- A. Betul
- B. Salah

B. *Pilih kata pemerl yang sesuai.*

1. Farid ( ialah, adalah ) seorang kanak-kanak istimewa.
2. Surat yang sampai tadi ( adalah , ialah ) daripada peguam
3. Ucapan yang disampaikan oleh pengetua ( adalah , ialah ) terlalu panjang.
4. Warna kuning ( ialah , adalah ) warna diraja
5. Wang peruntukan itu ( adalah , ialah ) untuk semua murid.
6. Keputusan yang dibuat oleh hakim mahkamah itu ( adalah , ialah ) tidak adil.
7. .Rumah setingan di lereng bukit itu (adalah , ialah ) rumah Pak Abu.
8. Suara guru itu ( adalah ,ialah ) tidak jelas.
9. Jawapan yang diberikan oleh pelajar itu (adalah , ialah ) tidak tepat.
10. MEASAT 1 ( ialah , adalah )satelit pertama Malaysia.

**Bahagian C**

Isikan tempat kosong dengan kata pemerai yang sesuai.

1. Kempen Jantung Sihat \_\_\_\_\_ anjuran bersama Persatuan Jantung Malaysia dengan Soy Rich.
2. Ayahnya \_\_\_\_\_ seorang bekas polis.
3. Latihan itu \_\_\_\_\_ terlalu mudah untuk kanak-kanak seusianya.
4. Perempuan tua yang bertudung putih itu \_\_\_\_\_ ibu saya.
5. Sumbangan itu \_\_\_\_\_ daripada pelajar-pelajar, guru-guru dan para pekerja sekolah ini.

**Bahagian D**

**Arahan:** Padankan subjek dan predikat di bawah supaya menjadi ayat yang betul. Pilih dan masukkan kata pemerai yang sesuai.

ialah      adalah

1. Rumah itu \_\_\_\_\_
2. Perempuan itu \_\_\_\_\_
3. Kereta yang baru lalu tadi \_\_\_\_\_
4. Hari ini \_\_\_\_\_
5. Mengkritik itu \_\_\_\_\_

rumah sepupu saya.

kakak saya.

milik pengetua sekolah ini

hari pertama saya ke IPT.

mudah.

Jawapan

Bahagian A

1. A
2. B
3. A
4. B
5. B
6. B
7. B
8. A
9. B
10. B

Bahagian B

1. ialah
2. adalah
3. adalah
4. ialah
5. adalah
6. adalah
7. ialah
8. adalah
9. adalah
10. ialah

Bahagian C

- 1 ialah
- 2 ialah
- 3 adalah
- 4 ialah
- 5 adalah

Bahagian D

1. ialah rumah sepupu saya.
2. ialah kaka saya
3. ialah milik pengetua sekolah ini
4. ialah hari pertama saya ke IPT
5. adalah mudah



**BAHAGIAN C**

Pilih jawapan yang betul.

1. " Adalah diumumkan bahawa hari esok cuti umum," kata pengetua.  
A. betul  
B. salah
  
2. Encik Ahmad adalah orang yang pertama tiba di garisan penamat.  
A. betul  
B. salah
  
3. Punca kebakaran itu adalah daripada kelalaian manusia.  
A. betul  
B. salah



4. Hadiah yang saya beli semalam adalah untuk Ani.  
A. betul  
B. salah
5. Bangunan di bandar raya New York adalah tinggi-tinggi belaka.  
A. betul  
B. salah
6. Harga kereta yang dibeli oleh Ali semalam adalah murah.  
A. betul  
B. salah
7. Rumput di tepi kolam itu ialah hijau-hijau belaka.  
A. betul  
B. salah
8. Perbelanjaan kami sekeluarga pada bulan puasa adalah sangat tinggi.  
A. betul  
B. salah
9. Wang yang ada pada saya ini ialah wang baki simpanannya.  
A. betul  
B. salah
10. Kereta solar yang dipertandingkan itu ialah ciptaan sekumpulan mahasiswa UTM.  
A. betul  
B. salah

**JAWAPAN**

- |    |   |    |   |    |   |    |   |    |   |
|----|---|----|---|----|---|----|---|----|---|
| 1. | B | 3. | A | 5. | A | 7. | B | 9. | A |
| 2. | B | 4. | A | 6. | A | 8. | A | 10 | A |

## Aras Tinggi

**Bahagian A**

Pilih jawapan yang menggunakan Kata Pemeeri yang betul.



1.
  - A. Hari ini ialah hari Rabu
  - B. Aminah adalah adik Hasan
  - C. Mereka adalah musuh kita.
  
2.
  - A. Baju yang berwarna merah itu ialah baju baru saya.
  - B. Tambang teksi itu adalah RM2.
  - C. Guru kelas saya adalah Puan Laili.
  
3.
  - A. Lagu ini ialah ditujukan kepada penghuni Asrama Melor.
  - B. Pameran ini adalah amat berfaedah.
  - C. Hidangan itu ialah mengiurkan.
  
4.
  - A. Adalah cita-cita saya untuk menjadi seorang doktor kepada penghuni Asrama Melor.
  - B. Adalah dinasihatkan supaya pelajar lebih berhati-hati apabila berada di dalam makmal.
  - C. Matlamat saya menyertai kursus ini adalah untuk menjadi seorang pakar komputer.
  
5.
  - A. Sukacitanya adalah dimaklumkan bahawa sekolah akan bercuti pada minggu hadapan.
  - B. Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa saya merujuk kepada perkara di atas.
  - C. Para pendidik ialah tonggak negara dalam melahirkan generasi bijak pandai.

**6.**

- A. Dia adalah adik saya.
- B. Kemalangan itu ialah disebabkan oleh jalan raya yang licin.
- C. Rumah Ahmad ialah rumah yang terbesar di Taman Cempaka.

**7.**

- A. Rumah itu adalah rumah yang telah dibeli oleh Yusri pada minggu lepas.
- B. Badan yang sihat ialah lebih berharga daripada segunung intan.
- C. Pemandangan yang cantik di tepi laut itu ialah faktor utama menarik ramai pelancong ke situ.

**8.**

- A. Malapetaka yang baru berlaku itu adalah amat sukar dipercayai.
- B. Ini bukan orang lain tetapi ialah daripada kaum kerabatnya juga.
- C. Kesilapan teknikal yang berlaku adalah penyebab utama kemusnahan tersebut.

**9.**

- A. Lembu Brahman ini ialah lebih sesuai ditanam di Australia.
- B. Bayaran yang dikenakan untuk menghadiri majlis makan malam tersebut ialah sebanyak RM40.
- C. Adalah menjadi kesalahan besar sekiranya kita melindungi pendatang tanpa izin di rumah kita.



10.

- A. Antara aktiviti yang dirancang pada hari terbuka itu ialah pameran, jualan dan permainan.
  - B. Penyebaran virus antrax ialah tidak membimbangkan di Malaysia.
  - C. Senjata yang digunakan oleh tentera Amerika ialah lebih canggih berbanding senjata tentera Afghanistan.
- 

- 1. A
- 2. A
- 3. B
- 4. C
- 5. C
- 6. C
- 7. C
- 8. A
- 9. B
- 10. A

## **BAHAGIAN B**

Pilih penggunaan kata pemerl yang betul.

- 1.
  - A. Ibu negeri Perak adalah Ipoh.
  - B. Universiti Malaya ialah universiti yang tertua di Malaysia.
  - C. Kereta Toyota adalah kereta import.
  - D. Azim dan Aiman adalah kawan baik Jamal.
- 2.
  - A. Baju berwarna ungu itu ialah hadiah sempena hari jadinya.



- B. Saloma adalah seorang seniwati yang terkenal kerana lakonannya amat diminati ramai.
  - C. Baginda adalah sultan yang termuda di negara ini.
- 3.
- A. Mutusamy adalah seorang murid yang aktif dalam sukan.
  - B. "Zaman ini ialah zaman siber,"kata kakak kepada adik.
  - C. Kereta keluaran negara kita adalah Proton Wira.
- 4.
- A. Pulau Tioman ialah antara sepuluh buah pulau yang terindah di dunia.
  - B. Pulau Redang dan Pulau Perhentian adalah dua pulau yang terkenal di Terengganu.
  - C. Kempen itu diadakan adalah untuk menyedarkan orang ramai tentang pentingnya menjaga alam sekitar.
- 5.
- A. Mereka ialah pasangan yang amat sesuai.
  - B. Berkhemah di tepi pantai ialah tidak selamat.
  - C. Suntikan pelali diberikan ialah untuk mengurangkan kesakitan.

- 1. B
- 2. A
- 3. B
- 4. C
- 5. A